

BAB KESIMPAT

BAB KEMPAT

Pandangan Ulamak Islam dan Barat terhadap Muhammad Abdul Wahhab.

Usaha dakwah Muhammad Abdul Wahhab untuk mengembalikan umat Islam kepada aqidah yang suci dan murni telah menimbulkan pelbagai tanggapan sama ada ada dari ulamak Islam maupun dari barat. Ada diantara mereka yang bersetuju dan tidak kurang juga yang mengecam terhadap usaha yang dilekukan oleh beliau. Disini penulis mengemukakan beberapa pandangan ulamak Islam dan barat terhadapnya sama ada yang bersifat pro ataupun kontra.

4.1 Pandangan-pandangan ulamak Islam.

A. Menyokong (pro)

1. Dr Taha Hussein.

Syed Muhammad Ibrahim dalam bukunya Tarikh Al Mamlakah Al Arabiah memetik pandangan Dr Taha Hussein mengenai dakwah Muhammad Abdul Wahhab menjelaskan:

Tidak boleh bagi seorang pengkaji mengenai sejarah kehidupan aqiqah dan adabiah di Semenanjung Tanah Arab mencualkan satu gerakan yang keras yang telah bermula pada kurun ke 18. Maka dunia moden di timur dan barat telah berpaling kearahnya dan mengambil berat terhadapnya (kelahiran dan perkembangannya).

¹ Ahmad b. Hajar b. Muhammad ali Butami ali, al Sayikh Muhammad Abdul Wahhab Agidatuhu Salafiah wa Dakwatuhu Islahiah, Darul Salafiah, Kuwait 1394 H. hal 145-146.

Itulah gerakan yang diasaskan oleh Muhammad Abdul Wahhab salah seorang syeikh dari syeikh-syeikh di Najd.

Seterusnya Dr Taha Husain menerangkan pula tentang kehidupan dan dakvahnya yang berbunyi:²

Sesungguhnya asas gerakan ini adalah baru dan lama. Baru kerana ia bersifat semasa dan lama kerana hakikat yang dibawanya ialah dakvah Islam yang suci dan bersih dari segala bentuk syirik dan berhala. Ianya merupakan seruan kepada Islam sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.v. Muhammad Abdul Wahhab menentang penduduk-penduduk Najd yang kembali kepada kehidupan jehiliah. Mereka mengagong-agongkan kubur-kubur, menjadikan orang-orang yang telah mati untuk mendapatkan syafeat disisi Allah, memuliakan pokok-pokok dan batu serta beranggapan bahawa ia boleh memberi manfaat dan mudharat.

2. Syeikh Abdul Aziz bin Baz.

Didalam bukunya Muhammad Abdul Wahhab Da'watuhu wa Siratuhu telah membuat kesimpulan tentang Muhammad Abdul Wahhab dengan mengatakan:

Muhammad Abdul Wahhab merupakan orang yang menjelaskan Agama Allah, menunjuki manusia kearah mentauhidkan Allah dan mencegah manusia dari melakukan bidaah dan khurafat. Beliau merupakan orang yang memandu manusia kearah kebenaran dan mengawasi nezeka dari kebatilan. Menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah mereka dari melakukan kemungkaran.

²

Ibid.

³

Abdul bin Baz, Muhammad b. Abdul Wahhab Dakwatuhu wa Siratuhu, Darul Saudiah Jeddah, Arab Saudi 1969 hal 143-144.

⁴
Beliau menambah lagi:

Aqidah yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab merupakan jalan yang dilalui oleh para salafus soleh yang beriman kepada Allah, nama-nama dan sifatNya, beriman kepada para malaikat, para rasul, kitabNya, hari akhirat dan qada dan qader Allah. Muhammad Abdul Wahhab berada di atas jalan lurus yang menyuzuh umat Islam mentauhidkan Allah, ikhlas dalam ibadat kepada Allah s.w.t, tidak menafikan sifat-sifat Allah dan tidak menyamakan Allah dengan makhluk, beriman dengan hari kebangkitan, hari pembalasan, hari penghisaban, syurga dan neraka dan sebagainya. Mengatakan tentang iman sebagaimana para salaf iaitu iman itu ialah dengan perkataan dan perbuatan, bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan. Semuanya itu merupakan aqidah yang dirahmati Allah. Muhammad Abdul Wahhab tidak ada mazhab tarekat tertentu tetapi mengikut jalan salafus soleh yang terdiri dari kalangan para sahabat dan pengikut yang diridhai Allah.

3. Al Sayyid Muhammad Rasyid Ridha.

Al Ustaz Abdullah Abdul Majid telah memetik pandangan Muhammad Rasyid Ridha yang diambil dari bukunya yang bertajuk "Sinayat al Insan". Menurut Ustaz Abdullah, selepas beliau menyebut tentang tersebarinya bidaah disebabkan kelemahan ilmu dan amal berdasarkan Al Quran dan Al Sunnah, beliau menjelaskan lagi:

Dari satu kurun ke satu kurun ketika banyaknya berlaku bidaah lahir ulamak-ulamak rabbaniyyah yang membawa tajdid bagi umat ini di dalam urusan agama mereka dengan dakwah, pendidikan dan teladan yang

⁴

Ibid.

⁵

Abdullah Abdul Majid, Manhaj Dakwah al Imam Muhammad Abdul Wahhab al Tamimy al Najdy wa al Tasawwur Lihazihin Dakwah, hal 140.

baik serta membetulkan penyelewengan yang dilakukan oleh pengkhianat-pengkhianat, membuka(kebathilan) para ahli dusta dan pentakvilan oleh para ahli jahil sebagaimana yang terdapat dalam hadith-hadith.

Dan Al Syaikh Muhammad Abdul Wahhab Al Najd adalah dari pembawa keadilan lagi mujadid bangkit untuk menyeru kepada tauhid yang suci dari unsur-unsur syirik dan ikhlas pengabdian kerana Allah semata-mata mengikut apa yang disyariatkan di dalam kitabNya dan diatas lisan RasulNya penutup segala nabi-nabi serta meninggalkan bidaah-bidaah dan maksiat dengan mendirikan syiar-syiar Islam

4. Al Syeikh Muhammad Manzor Nu'many.

Beliau ada menjelaskan tentang keadaan sebenar mengenai Muhammad Abdul Wahhab dalam bukunya " Di'ayat Mukhathafah Did Al Syeikh Muhammad Abdul Wahhab". Beliau menulis buku ini sebagai jawapan kepada surat yang dihantar oleh salah seorang pelajar dari Universiti Islam di Madinah yang bertanya tentang Muhammad Abdul Wahhab dan para penentangnya. Diantaranya beliau menyebut:

Dan sebenarnya perkara yang wajib diperhati yang berhubung dengan Syeikh Muhammad Abdul Wahhab dari segi dakwah dan gerakannya, beliau bukan sahaja berusaha memberi peringatan dan nasihat, arahan dan panduan, karangan dan penulisan, berjalan-jalan menyampaikan dakwah, berpindah-pindah memberi penyampaian (agama), bahkan disempurnakan melalui jihad dengan pedang...
Dan beliau melihat orang-orang yang sujud di kuburan, orang-orang yang memohon sesuatu darinya, orang-orang yang merendah diri kepadanya, orang-orang yang tawaf

⁶ Muhammad Manzur Nu'many, Diayah Mukhathafah Did al-Syeikh Muhammad b. Abdul Wahhab, Maktabah Nadwah Ulamak Lucknow, 1980, hal 47.

di sekelilingnya, bernegar melaluiinya dan mereka yang melakukan syirik adalah musyrikin sama seperti orang yang menyembah berhala.

Dalam buku yang sama beliau menambah:

Muhammad Abdul Wahhab pergi lebih jauh dari itu pada pandangannya pemerintahan politik dan kerajaan sebagai satu dari amal yang besar bagi menghapuskan bentuk-bentuk syirik dan kufur yang menjatuhkan mangsanya (orang-orang Islam)

B. Menentang (kontza)

1. Syeikh Ahmad Zaini Dahlan (1232-1304 H) seorang ulamak fekah Syafie.

Pandangan Syeikh Ahmad Zaini Dahlan yang menentang Muhammad Abdul Wahhab dalam usaha tajdid dan islah dikemukakan dalam bukunya " Khulasat al Kalam fi Bayan Umara al Balad al Haram " dan " Al Durar al Sunnuyat fi Radd 'ala al Wahhabiyyah ". Beliau menjelaskan:

Bahawa beliau (Muhammad Abdul Wahhab) dengan jelas mengkafirkan umat Islam sejak 600 tahun yang lampau dan beliau mengkafirkan semua mereka yang tidak mengikutinya walaupun mereka adalah orang yang paling taqwa di kalangan orang-orang yang bertaqwa. Maka beliau menamakan mereka dengan musyrikin dan menghalalkan darah serta harta mereka dan menthabitkan iman bagi sesiapa yang mengikutinya sekalipun mereka orang yang paling fasiq di kalangan orang-orang yang fasiq....

7

Ibid. hal. 48.

8

Ibid. hal 28.

Beliau menambah lagi:

Dan beliau (Muhammad Abdul Wahhabi), perkara pertama yang digemarinya ialah membaca berita-berita mereka yang mendakwa menjadi nabi (yang sebenarnya dusta) seperti Musailamah al Kazzab, Sujjah, al Asad al Ansy, Thulaiyah al Asadi dan kumpulan-kumpulan mereka. Maka dia menyembunyikan dakwaan nubuvvah di dalam dirinya walaupun dia boleh melahirkan dakwaan itu secara jelas....

2. Huseyn Hilmi Isik b. Said Istambulli (MSC di bidang kejuruteraan kimia dan pembuatan ubat serta bekas pengajar kolonel di Turki.

Beliau telah menjelaskan pandangan beliau tentang Wahhabi melalui bukunya "Advice For The Wahhabi" dengan memberi ulasan-ulasan terhadap pendapat dan pegangan Wahhabi serta pandangan-pandangan ulamak-ulamak lain.

10

Diantaranya beliau menjelaskan:

Tujuh puluh dua kumpulan yang diberitahu (oleh hadith) bahawa mereka mesti memasuki neraka adalah kerana kerosakan aqidah mereka. Tujuh puluh dua kumpulan ini tidak menjadi kafir kerana kesalahan mereka memahami Al Quran tetapi mereka akan ke neraka kerana menukar Islam. Oleh kerana mereka ini muslim, mereka akan dikeluarkan dari neraka dan dimasukkan kedalam syurga. Mereka telah digelar dengan ahli bidaah atau sesat. Selain mereka disana terdapat mereka yang mendakwa dengan nama muslim tetapi menukar Islam berdasarkan kerosakan fahaman terhadap ilmu dan pandangan yang singkat. Merekalah akan terkeluar daripada Islam dan akan tinggal di

9

Ibid. hal 29-30.

10

Huseyn Hilmi Isik, Advice For The Wahhabi, Isik Kitabevi Istanbul, 1976 hal. 3.

dalam neraka berkekalan. Kumpulan mereka ini ialah yang digelar "Wahhabi".

11

Beliau seterusnya menjelaskan :

Saya fikir patut dijelaskan tentang keburukan kepercayaan puak Wahhabi yang menentang Islam di dalam buku-buku yang berbeza dan menunjukkan kembali tentang tekanan dan penyiksaan mereka keatas umat Islam.....

3. K.H. Sirajuddin Abbas (ulamak dan pengarang yang terkenal di Indonesia).

Beliau mengemukakan pandangannya melalui bukunya "40 Masalah Agama" di dalam bab memodenasi agama. Di antaranya beliau menjelaskan:

12

Lebih dahulu baik kami terangkan bahawa Muhammad Abdul Wahhab pembangun gerakan Wahhabi tidak ada mengarang kitab-kitab yang bererti baik kitab fikih mahu pun kitab tafsir. Oleh itu keulamakannya masih menjadi tanda tanya walaupun kepiapinannya diakui. Bukan sahaja keulamakannya tetapi juga kemodenan fatvanya masih diragukan kerana kadang-kadang ternyata fatvanya itu sangat kolot.

Kami pengarang buku ini, tujuh tahun berada di Mekah dibawah kekuasaan Wahhabi iaitu dari tahun 1927 hingga 1933. Kami melihat dengan mata kami siapa dan betapa Wahhabi itu.

Mulai ia masuk ke Mekah ulamak-ulamak Wahhabi mengharamkan zokok kerana katanya tembakau itu tahi syaltan. Kubah-kubah di atas perkuburan di Ma'ala dan Baqi', begitu juga kubah peringatan di Suq Iin di

11

Ibid. hal 14.

12

K.H. Siradjuddin Abbas, 40 Masalah Agama 112 Pustaka Aman Press Kelantan, 1978. hal. 130-131.

sana Nabi s.a.w dilahirkan, semuanya dituntuhkan padahal kubah-kubah itu mengandungi bahan-bahan sejarah dan mengandungi ukiran-ukiran kesenian yang bermutu...

13

Beliau menerangkan lagi:

Dan banyak lagi yang ganjil-ganjil. Maka haluanlah kita kenapalah orang-orang dari modenisasi memasukkan Muhammad Abdul Wahhab sebagai seorang imam modenisasi.....

4. Ayyub Sabri Pasha di dalam bukunya "Wahhabism And Its
Refutation By The Ahlus As Sunna menjelaskan:

14

Pahaman atau mazhab Wahhabi telah diasaskan oleh Muhammad Abdul Wahhab. Dia dilahirkan di Huraimila di Najd pada tahun 1111 H (1699) dan meninggal dunia pada tahun 1206 H (1791). Dahulu dia telah mengunjungi Basrah, Bagdad, Iran, India dan Syik dengan tujuan untuk mengembara dan berdagang dan diketika itulah dia menemui beberapa kitab yang bermaksud tidak baik ditulis oleh Ahmad Ibn Taimiyyah 661-728 meniggal di syik dengan kandungan yang bercanggah dengan Ahlu as Sunnah.

Dengan kepintaran mulahat dan sifatnya yang peramah, dia telah dikenali sebagai Al Syeikh Al Najd. Justeru untuk memasyurkan lagi namanya dia menghadiri ceramah, kuliah ulamak Hambali di Madinah dan kemudiannya di Syik. Sekembalinya ke Najd dia menulis kitab-kitab. Kitabnya itu ialah Kitab Al Tauhid yang diberi pemperangan oleh cucunya Abdul Rahman ditokok tambah dan diterbitkan di Mesir dengan tajuk Fath Al Majid oleh seorang pengikut Wahhabi iaitu Muhammad Hamid.....

13

Ibid.

14

Ayyub Sabri Pasha, Wahhabism and Its Reputation By The Ahlus Sunna. Percetakan Surya Johor Baharu. hal 1-2.

Beliau menambah lagi:

Buah fikiran Muhammad Abdul Wahhab telah memperdayakan orang pedalaman penduduk Dar'iya termasuk pemimpin mereka Muhammad Saud. Bilangan mereka yang telah menerima buah fikirannya yang dinamakan sebagai mazhab Wahhabi telah bertambah dan ia telah memaksa mereka menerimanya sebagai Qadhi dan melantik Muhammad Saud sebagai pemerintah (Amir).

4.2 Pandangan-pandangan Barat.

A. Menyokong (pro)

1. Lothrop Stoddard sejana Amerika dalam bukunya "Dunia Baru Islam" mengatakan:¹⁶

Ketika dunia Islam diliputi kegelapan tiba-tiba bergemalah seruan dari padang pasir yang luas itu -tempat lahir Islam- memanggil mereka kembali kepada jalan yang benar. Yang meneriakkan seruan itu ialah yang termasyhur iaitu Muhammad b. Abdul Wahhab. Ia menyalaikan api yang membakar sampai kepelosok dunia Islam. Ia menggerakkan umat Islam untuk memperbaiki jiwa dan membangkitkan kemegahan dan kebesaran yang dahulu.

Beliau menambah lagi:

Berbilang tahun ia mengembara kian kemari di Jazirah Arab. Akhirnya ia dapat menundukkan kedalam fahamannya Muhammad (Kepala suku Saud) pemimpin yang paling berkuasa di Najd. Dengan demikian Muhammad

Abdul Wahhab memperolehi baik practise moral maupun kekuatan materil. Kesempatan itu dipergunakan benar-benar lambat laun padang pasir Arab ditimpas menjadi kesatuan politik keagamaan seperti yang telah diwujudkan oleh Nabi Muhammad s.a.v dahulu.

2. Orientalis Jerman Carl Brockleman.

Pandangan ini dipetik oleh Ustaz Abdullah Abdul Majid dari kitab karangan Brockleman yang bertajuk "Tarikh al Shu'ub al Islamiyyah" mengenai Gerakan Wahhabi.¹⁸

Diantaranya beliau mengatakan:

Muhammad Ali Basha telah bertempur dengan gerakan yang membangkitan anak bangsa yang besar. Pemecah tradisi itu dilahirkan di Majd yang dianggap sebagai jantung Jazirah Arab iaitu Muhammad b. Abdul Wahhab dari kabilah Tamim diantara akhir kurun ke 17 dan awal kurun ke 18 H. Maka ia lahir dengan perasaan cintakan ilmu, memenuhi dirinya dengan ilmu fiqh dan syariat serta beliau berazam untuk ke kota-kota timur di negara-negara Islam bagi menuntut ilmu. Di Bagdad beliau mempelajari fiqh Imam Ahmad b. Hambal pengasas terakhir dari empat mazhab (terbesar) dan kemudian beliau mempelajari hadith dengan bersungguh-sungguh menentang segala pertentangan pendapat fuqaha dengan mengambil semua pendapat.....

Seterusnya beliau memberi ulasan tentang dakvah yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab dengan mengatakan:¹⁹

Sebenarnya Muslih ini mengasaskan gerakannya di atas sirah Rasul s.a.v dengan mengikutinya dan mencontohi

18

Abdullah Majid, Op Cit, hal. 158.

19

Ibid. hal 159.

pemikirannya. Dan ia seperti juga Rasul berkuasa di atas menyalakan api semangat di dalam hati sahabat-sahabatnya serta membuatkan cinta mereka yang bersungguh-sungguh untuk berjuang di jalan yang ditunjuk....

3. Pendapat seorang Orientalis yang bernama Jobe Inggeris.

20

Beliau menjelaskan dalam bukunya "Muhammadiah"

Di jazirah Arab lebih kurang dalam tahun 1744 bersamaan 1157 H Muhammad Abdul Wahhab bersama Amir Dar'iyah keluarga Saud melaksanakan dakwah berdasarkan mazhab Hanbali yang juga sebelumnya dilakukan oleh Ibnu Taimiyyah pada kurun ke 14...

Beliau juga menjelaskan dalam bukunya "Al Ittijahat al Madinah Fil Islam": 21

Dari segi pemikiran Wahhabiah telah menentang segala bentuk fitnah yang berbentuk musuh dalam menentang golongan yang memperjuangkan wahdatul wujud yang mahu merosakkan kesucian tauhid dalam Islam. Sesungguhnya beliau merupakan pendakwah yang agong...

4. Barnoldies dalam bukunya "Al Araq fi Al Tarikh"

22

menjelaskan:

Dengan nama Islam yang suci dari segala kekotoran sebagaimana keadaanya di kurun pertama. Muhammad Abdul Wahhab merupakan orang yang menyertu supaya

20

Ahmad b. Hajat b. Muhammad ali Butami,Op Cit., hal 155

21

Ibid.

22

Ibid.

meninggalkan segala bentuk pertambahan yang disandarkan dengan aqidah dan ibadah. Semuanya itu dianggap bidaah dan khurafat yang sama sekali tidak ada dalam Islam yang suci.

5. Da'iratul Maarif Britain mengulas tentang Muhammad

23

Abdul Wahhab:

Wahhabiah merupakan nama bagi satu gerakan pembersihan dalam Islam. Pendokong-pendokong Wahhabi mengikut pengajaran Rasul semata-mata. Meninggalkan segala sesuatu yang selain daripadanya. Musuh-musuh Wahhabi merupakan musuh-musuh Islam.

24

6. The Encyclopedia Americana (volume 28) :

Wahhabi adalah merupakan sebuah gerakan yang berpegang teguh dengan Islam. Diaasaskan lebih kurang pada tahun 1744 oleh Muhammad Abdul Wahhab (1703-1792) yang dilahirkan di Najd. Beliau mengembarnya ke Hijaz dengan tujuan untuk mendalami ilmu keagamaan. Beliau menyakini bidaah dan khurafat boleh merosakkan Islam. Dengan itu beliau bersungguh-sungguh untuk mengembalikan kesucian Islam. Gerakan beliau yang dikenali sebagai "Wahhabi" menekankan umat Islam kembali kepada Islam, menentang penyembahan kepada wali-wali yang telah mati dan penghormatan yang berlebihan kepada kubur. Selepas kembali ke Najd, Muhammad Abdul Wahhab bergabung dengan pemerintah tempatan iaitu Muhammad b. Saud. Wahhabi telah mencetuskan perkembangan politik Arab Saudi yang berkesudahan dengan wujudnya Arab Saudi moden.

23

Ibid.

24

The Encyclopedia Americana International Edition
(volume 28), Copyright 1984, hal. 262

7. New Century Cyclopedie Of Names. (volume 3)

Wahhabi merupakan pengikut Muhammad Abdul Wahhab (1703-1787) yang mendokong perjuangan Nabi Muhammad s.a.v. Mereka menentang segala bentuk amalan yang tidak bersetuan dengan Al Quran. Wahhabi merupakan golongan yang berpegang teguh dengan Islam atau cara hidup Nabi Muhammad s.a.v. Menolak segala bentuk penyembahan para wali dan penambahan kepada aqidah dan syariat (bidaah). Ibnu Wahhab telah berjaya mengujudkan satu kuass yang kuat dimana beliau merupakan seorang ketua di Najd laitu pusat negara Arab Saudi. Mereka telah dapat dikalahkan oleh Ibrahim Pasha pada tahun 1818 tetapi kembali berkuasa selepas itu. Di bawah pimpinan Ibnu Saud, Wahhabi telah menguasai dan mengukuhkan kedudukan Arab Saudi di abad ke 20.

8. Shorter Encyclopedia Of Islam.

Wahhabi merupakan satu pergerakan Islam yang diasaskan oleh Muhammad Abdul Wahhab (1115-1201 H/ 1703-1787 M). Nama ini diberikan oleh puak-puak yang menentangnya dan juga digunakan oleh orang-orang Barat. Mereka menamakan diri mereka sebagai "Muvahhidun" (yang mentauhidkan Allah) yang mengikut Sunnah Nabi Muhammad s.a.v. penerusan kepada mazhab Imam Ahmad b. Hambal yang diperjuangkan oleh Ibnu Taimiyah. Mereka menentang segala bentuk penyembahan kepada para wali dan pemujaan kubur.

Inilah diantara beberapa pandangan ulamak Islam dan barat yang dapat dikemukakan. Di sini welas membayangkan kepada kita dikalangan mereka ada yang bersetuju dengan perjuangan Muhammed Abdul Wahhab dan ada yang tidak bersetuju.

Bagi yang bersetuju tetap menganggap Muhammed Abdul Wahhab sebagai tokoh mujadid dan ulamak yang telah berjuang mengembalikan aqidah umat Islam kepada menghayati Islam yang sebenar berdasarkan petunjuk Allah dan rasulNya.

Bagi yang tidak bersetuju terus menganggap Muhammed Abdul Wahhab sebagai seorang yang membawa ajaran baru yang dinamakan Wahhabi yang telah merosakkan aqidah umat Islam.